

## **SURAT PEKELILING PENDAFTAR**

---

**Tarikh: 17 Februari 2023      Bil.1/2023      No. Ruj.: UMS/PEND2.1/100-1/7/2**

---

### **PENGGUNAAN FRASA "MALAYSIA MADANI" DALAM URUSAN PENYEDIAAN SURAT DI UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

#### **1.0 TUJUAN**

Surat Pekeliling Pendaftar ini dikeluarkan bagi melaksanakan arahan Kerajaan berhubung pemakaian frasa "**MALAYSIA MADANI**" dalam urusan penyediaan surat di Universiti Malaysia Sabah (UMS).

#### **2.0 LATAR BELAKANG**

- 2.1 Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (Pembangunan) melalui surat bernombor rujukan JPA.100-1/4/1 (11) bertarikh 15 Februari 2023, telah mengarahkan semua agensi Kerajaan menggunakan frasa "**MALAYSIA MADANI**" dalam urusan penyediaan surat rasmi Kerajaan.
- 2.2 Pemakaian frasa ini merupakan salah satu inisiatif menyokong visi Kerajaan Perpaduan berteraskan prinsip Kemampanan, Kesejahteraan, Daya Cipta, Hormat, Keyakinan dan Ihsan.
- 2.3 Sehubungan dengan itu, Pengurusan Universiti telah bersetuju melaksanakan pemakaian frasa ini dalam surat-menyurat di UMS.
- 2.4 Penggunaan frasa "**MALAYSIA MADANI**" ditambah sebelum frasa "**BERKHIDMAT UNTUK NEGARA**" dalam urusan penyediaan surat di UMS.
- 2.5 Sekiranya terdapat surat-menyurat dengan pihak luar yang menggunakan bahasa lain, maka frasa ini hendaklah digunakan dalam bahasa asal iaitu Bahasa Melayu dan tidak boleh diterjemahkan ke bahasa lain.

#### **3.0 TARIKH KUAT KUASA**

- 3.1 Surat Pekeliling Pendaftar ini berkuat kuasa serta-merta dari tarikh ia dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

**"MALAYSIA MADANI"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,



**LUQMAN RIDHA ANWAR**  
Pendaftar

Tarikh: 17 Februari 2023

- s.k. ☞ Naib Canselor  
☞ Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)  
☞ Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)  
☞ Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)  
☞ Bendahari  
☞ Penasihat Undang-Undang  
☞ Ketua Pustakawan